

19 OCT 2000

Abdullah-Putrajaya

PUTRAJAYA DIJADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PETALING JAYA, 19 Okt (Bernama) -- Putrajaya akan dijadikan Wilayah Persekutuan tidak lama lagi, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Kabinet pada mesyuaratnya semalam bersetuju dengan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang selepas menghantar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Seoul untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM).

Ditanya mengenai tarikh perisytiharan berkenaan, beliau berkata tidak lama lagi.

Katanya langkah menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan mengambilkira pembangunannya yang pesat serta kedudukannya sebagai pusat pentadbiran kerajaan.

Putrajaya akan menjadi Wilayah Persekutuan ketiga di negara ini selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata memandangkan banyak lagi pembangunan yang akan dijalankan di Putrajaya, adalah elok jika ia ditadbir di bawah kerajaan persekutuan.

Ditanya sama ada pengisytiharan itu akan diadakan tahun ini juga, beliau berkata, "Bila semua dah selesai (rundingan antara kerajaan pusat dengan kerajaan Negeri Selangor), kita akan isytiharkan. Ia tidak akan memakan masa lama."

Beliau juga berkata Putrajaya sesuai dijadikan Wilayah Persekutuan memandangkan ia merupakan pusat pentadbiran persekutuan sementara Kuala Lumpur adalah pusat komersil.

"Pada masa ini Kuala Lumpurlah yang jadi ibukota. Jadi gabungan yang dua ini penting. Oleh itu pentadbiran Putrajaya elok dikelolakan di bawah kerajaan persekutuan," katanya.

Pusat pentadbiran persekutuan itu mula dibuka pada pertengahan tahun lepas apabila pejabat Perdana Menteri di Jalan Datuk Onn di ibu negara berpindah ke Putrajaya.

Putrajaya apabila dibangunkan sepenuhnya dijangka akan mempunyai 350,000 penduduk dan 67,000 unit pelbagai jenis rumah.

Di TANJUNG KARANG, Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamad Khir Toyo berkata usaha menjadikan Putrajaya sebuah Wilayah Persekutuan akan dibincangkan di peringkat negeri.

Menurutnya, beliau belum dimaklumkan mengenai perkara itu oleh kabinet.

"Tidak ada masalah. Kalau benar, kita boleh buat proses pertukaran tanah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat exco Pemuda Umno di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata tidak dapat dinafikan Putrajaya banyak membawa kemajuan kepada Selangor dan kawasan sekitarnya.

"Saya percaya kerajaan persekutuan akan mendapatkan persetujuan daripada Sultan kerana Putrajaya terletak di bawah pentadbiran Sultan," katanya.

-- BERNAMA

RZS NZ AHH RON